

30 SEP 1996

KERAJAAN VICTORIA MINTA BANTUAN DR HUSSAIN UTK PASARKAN PROTON

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 30 Sept (Bernama) -- Kerajaan negeri Victoria telah menemui usahawan Malaysia Dato Dr Mohd Hussain bin Yusuf untuk menolong mendapatkan hak pengedaran Proton ke seluruh Australia, yang kini terbuka kepada firma-firma, terletak di Melbourne.

Inchcape Motors Australia, pengedar Proton sejak kemasukan kereta Malaysia ke pasaran Australia pada Mei tahun lalu, telah memutuskan untuk membatalkan hak agen Protonnya.

Proton kini dalam proses mendapatkan pengedar baru bagi siri Wiranya yang telah mencatat sejarah di Australia.

Antara 48 pengedar Proton yang paling berjaya di Australia, Hussain difahamkan gembira dengan tawaran kerajaan Victoria untuk membantu menggalakkan Proton berdiri kukuh di ibu pejabatnya di Australia di Melbourne.

Hussain, yang telah cergas dengan beberapa usaha niaga berjuta-juta ringgit di Victoria sejak 1980, termasuk pembangunan pusat peranginan dan riadah berharga A\$150 juta (RM270 juta) di bandar tepian pantai yang indah di Torquey, 70km dari Melbourne, dan pemilikan Geelong Motors di wilayah Geelong, terkenal di kalangan pemimpin kerajaan dan mesyarakat perniagaan di Australia.

Adalah dipercayai bahawa Menteri bagi Industri, Sains dan Teknologi Victoria, Mark Birrell mengutus kepada Hussain baru-baru ini meminta sokongan beliau supaya ibu pejabat Proton dipindahkan dari Sydney, di mana Inchcape berpangkalan, ke Melbourne, ibu negara kewangan yang membangun di Australia.

Birrell, yang diramal sebagai bakal Perdana Menteri baru Victoria, berminat supaya sekiranya Hussain sendiri menyertai dengan cergas di dalam hak pengedaran itu bagi memastikan kejayaan Proton di Australia.

Satu sumber Kerajaan Negeri memberitahu Bernama bahawa Melbourne mempunyai banyak keistimewaan sebagai pusat pengedaran di dalam industri kereta -- kebanyakan pengeluaran automotif di negara ini, termasuk pengeluaran komponen, terletak di Melbourne.

Katanya dengan pusat di Melbourne, Proton dengan mudah akan mendapatkan sumber komponen automotif bagi eksport ke Malaysia dengan itu memperolehi kredit eksport yang bernilai. Ini kelak boleh digunakan untuk mengurangkan duti yang dikenakan dibayar ke atas kereta-kereta Proton yang diimport ke Australia.

Melbourne juga terkenal sebagai pusat bagi rekabentuk aotomotif di Australia di mana pelbagai kerja reka bentuk dan pembangunan boleh dilaksanakan ke atas kereta-kereta keluaran Proton. Dan bergantung kepada keadaan, kerja ini juga melayakkan untuk kredit eksport.

Adalah difahamkan bahawa Hussain sanggup mengambil bahagian di dalam pengedaran Proton -- setelah menggalakkan Proton lebih banyak daripada sebarang perniagaan lain di Australia. Dalam beberapa bulan ini, beliau telah menggunakan media Australia dan perhubungan awam yang baik, untuk meletakkan lebih banyak kereta Proton ke jalan raya di sini.

Usaha sendiri itu menelan belanja berjuta-juta dolar, dan dilakukan tanpa bersungut. "Saya lakukan ini untuk Malaysia dan Perdana Menteri kami yang tercinta," beliau memberitahu Bernama awal tahun ini.

"Saya bangga menjadi rakyat Malaysia dan saya bangga terhadap Proton. Proton adalah salah satu simbol pencapaian kami sebagai sebuah negara muda dan semua kepujian patut diberi kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed,"

katanya.

Iklan Protonnya di dalam akhbar-akhbar, televisyen dan radio di sini telah membawa slogan --- "Proton kebanggaan Malaysia."

Banyak raykat Malaysia yang tinggal dan belajar di Australia merasakan bahawa penyertaan Hussain sebagai pengedar Proton di pasaran kereta Australia yang amat kompetitif, akan menaikkan jualan dengan dramatik daripada 1,300 Wira yang dijual pada 18 bulan lalu di Australia, yang juga di bawah sasaran awal sebanyak 4,000 unit.

Rakyat Malaysia berkata bahawa Hussain mempunyai wang, pengaruh, pengalaman dan kepakaran untuk memberikan galakan yang diperlukan bagi Proton di Australia.

-- BERNAMA

NDC MR/sia